

17 JANUARI 2018

## Lelaki jual dadah dalam paket minuman diberkas



**JAMALUDIN KUDIN (tengah)** bersama pegawainya menunjukkan pelbagai jenis dadah yang dibungkus dalam bentuk paket serbuk minuman berperisa dalam sidang akhbar di Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/SHAHRULANOOR ISHAK

## Lelaki jual dadah dalam paket minuman diberkas

**KUANTAN 16 Jan.** - Helah seorang lelaki menggunakan paket serbuk perisa minuman untuk menyembunyikan dadah bagi tujuan pengedaran terbongkar selepas polis menyerbu sebuah rumah di Taman Pertama di sini Sabtu lalu.

Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Jamaludin Kudin berkata, serbuan kira-kira 4.30 pagi itu dilakukan setelah pihaknya memperoleh maklumat berhubung modus operandi suspek berusia 38 tahun berkenaan yang dipercayai terlibat dalam kegiatan

pengedaran dadah.

Kata beliau, hasil pemeriksaan oleh pasukan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di rumah tersebut menemukan satu kotak berwarna coklat mengandungi pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM64,500.

"Polis menemukan serbuk methamphetamine seberat 1660.8 gram yang dibungkus dalam 200 paket serbuk perisa minuman bernilai RM50,000 dan 101.8 gram syabu bernilai RM7,000 yang di-

masukkan ke dalam 509 paket.

"Serbuan turut menemukan dadah jenis erimin 5 sebanyak 500 biji bernilai RM7,500," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik negeri, Superintenden Lam Thiat Huat.

Menurut Jamaludin, lelaki berkenaan dipercayai menggunakan paket serbuk perisa minuman dalam aktiviti pengedaran bagi menarik minat penagih selain mengaburi mata pihak berkuasa dan orang awam.